

Media Title

: Harian Metro

Headline

: 4 keldai akaun ditahan

Date

: 21 June 2024

Section

: Lokal

Page

: 7



4 keldai akaun ditahan

Dalang empat kes penipuan melibatkan kerugian RM168k

Balik Pulau

Polis menahan tiga lelaki dan seorang wanita dipercayai menjadi keldai akaun kepada beberapa sindiket penipuan dalam talian hingga menyebabkan ramai mangsa kerugian RM168,605 dalam kejadian di daerah Barat Daya di sini, baru-baru ini.

Ketua Polis Daerah Barat Daya Superintendent Kamarul Rizal Jenal (**gambar**) berkata, semua suspek ditahan berusia 31 hingga 40 tahun.

Menurutnya, suspek ditahan secara berasingan di sekitar Bayan Lepas dan kawasan Balik Pulau serta Ipoh, Perak oleh anggota polis Bahagian Siasatan Jenayah Komersial Barat Daya, kelmarin.

"Dalam kes pertama, polis menahan seorang lelaki berusia 31 tahun kerana disyaki menjadi keldai akaun kepada sindiket penipuan yang memperdaya mangsa melalui taktik pinjaman wang tidak wujud secara dalam talian.

"Berdasarkan siasatan, mangsa adalah seorang pesara wanita berusia 60 tahun. Mangsa membuat 33 transaksi ke dalam beberapa akaun bank termasuk milik suspek membabitkan jumlah seluruh RM73,972," katanya, semalam.

Beliau berkata kes kedua pula membabitkan penahanan seorang wanita berusia 40 tahun dipercayai menjadi keldai akaun sindiket yang memperdaya mangsa dengan tawaran kerja sambilan dalam talian

yang tidak wujud.

Kamarul Rizal berkata, dalam kes itu mangsa membuat pemindahan wang ke dalam akaun dengan jumlah keseluruhan RM65,779 sebagai bayaran untuk daftar bidaan bagi mendapat bayaran keuntungan dan komisen.

Kes ketiga, membabitkan penahanan seorang lelaki berusia 31 tahun dipercayai menjadi keldai akaun sindiket penipuan yang menawarkan kerja sambilan secara dalam talian tidak wujud hingga menyebabkan mangsa kerugian RM23,274.

"Mangsa membuat pemindahan wang ke dalam akaun suspek sebagai bayaran untuk mendapat bayaran keuntungan balik dan komisen. Kes kedua dan ketiga membabitkan sindiket berbeza namun modus operandi hampir sama," katanya.

Beliau berkata dalam kes keempat, polis menahan seorang lelaki berusia 31 tahun di Ipoh, Perak, kerana disyaki menjadi keldai akaun sindiket memperdaya mangsa dengan menyamar sebagai pegawai bank.

Menurut Kamarul Rizal, mangsa lelaki berusia 38 tahun mendakwa dihubungi oleh individu yang memperkenalkan diri sebagai pegawai bank memaklumkan terdapat dua transaksi tanpa kebenaran daripada kad kredit mangsa dan telah menyambungkan perbualan kepada pihak lain.

"Mangsa telah berkongsi nombor pin seperti diarahkan dan menyedar terdapat transaksi terhadap permaisuri lain bernilai RM5,580 sebelum menyedari ditipu dan kemudian membuat laporan polis," katanya.

